

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- a) apakah tindakan yang telah dirangka bagi menangani kes-kes penipuan yang melibatkan perniagaan "network marketing" seperti "forex" dan pelaburan emas secara dalam talian ; dan
- b) berapakah jumlah kes penipuan yang telah dilaporkan dan diselesaikan oleh Kementerian bagi membendung permasalahan ini yang menindas pengguna.

## JAWAPAN:

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Perniagaan "*network marketing*" seperti "*forex*" dan pelaburan adalah tiada di dalam bidang kuasa KPDNKK sama ada secara atas talian (*online*) atau fizikal (*offline*). Aktiviti ini pada dasarnya berada di dalam perundangan yang dikuatkuasa oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti.

Namun begitu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Bahagian Penguatkuasanya menguatkuasakan Sek. 27(A) dan 27(B) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 yang mempunyai intipati penguatkuasaan yang hampir sama seperti "*network marketing*" iaitu **LARANGAN MENJALANKAN SKIM PIRAMID**. Di bawah seksyen ini, sekiranya berlaku pelanggaran dan disabitkan kesalahan, seandainya tertuduh adalah:

- i. individu - boleh didenda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; dan
- ii. suatu pertubuhan, perbadanan, perkongsian atau pertubuhan - boleh didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh juta ringgit dan, bagi kesalahan kali

kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh juta ringgit.

Pematuhan seksyen-seksyen ini terpakai kepada semua aktiviti sama ada ia dijalankan secara *online* atau *offline*.